

Headline **AP Land teroka pasaran China**
Date **18 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **59**
Article Size **53 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **723**
PRValue **2,168**



AP Land teroka pasaran China

ASIA Pacific Land Bhd (AP Land), pemaju hartanah tempatan kini bercadang memperluaskan perniagaan dalam sektor pendidikan dengan mengenal pasti peluang dalam bidang itu di dalam dan luar negara, khususnya China.

Pemaju hartanah itu berkata, ia susulan kerjasama pintar yang dimeterai pada Mei lalu dengan HELP International Corp Bhd (HELP) untuk meneroka bidang itu.

Menerusi usaha sama itu, sebuah syarikat kerjasama yang dikenali sebagai Hexa Megan Sdn Bhd ditubuhkan untuk mendapatkan lesen serta menawarkan program pengajian yang menepati kehendak pasaran.

Pengarah Urusan Bersama kumpulan itu, Low Gee Teong, berkata kerjasama itu membolehkan kumpulan mengeksplotasi keupayaan antara satu sama lain dan membentuk sinergi untuk melengkapi kepakaran masing-masing.